

# Capai *ranking* 100 universiti terbaik dunia lebih awal - Idris


**KUALA LUMPUR 5 Nov.** - Kementerian Pendidikan Tinggi menyasarkan dua buah universiti awam tempatan mampu menduduki ranking 100 universiti terbaik dunia lebih awal daripada sasaran asal iaitu menjelang 2025.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sasaran itu dijangka dicapai lebih awal iaitu mungkin dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi berdasarkan peningkatan memberangsangkan semasa.

“Malah berdasarkan QS World University Rankings 2015 yang dikeluarkan pada 15 September lalu, Uni-

versiti Malaya (UM) telah berjaya memecah benteng apabila menduduki tangga 146 sekali gus berada dalam kelompok 150 universiti terbaik dunia.

“Universiti Sains Malaysia (USM) juga telah memperbaiki kedudukan dari tempat 309 pada tahun lalu kepada 289 manakala kedudukan Universiti Putra Malaysia (UPM) kini pada tangga 331 daripada 370 pada tahun lalu,” katanya.



**IDRIS JUSOH**

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Mohd. Zaim Abu Hasan (BN-Parit)** yang bertanyakan sasaran dan tindakan kementerian bagi meningkatkan ranking antarabangsa universiti tempatan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas berhubung pencapaian UM, Idris berkata, penarafan itu secara tidak langsung menjadikan universiti awam itu mendahului

universiti antarabangsa ternama lain seperti Universti Newcastle, Universiti Michigan State, Universiti Barcelona, Universiti Exeter, Universti Georgetown dan Universiti RMIT.

“Untuk itu, kita sasarkan pada tahun 2025, dua buah universiti kita akan tersenarai di antara 100 terbaik di dunia, dalam setahun dua nanti saya rasa kita sudah mampu capai, tidak perlu hendak tunggu tahun 2025,” katanya.

Di samping itu, Idris turut memberitahu, bidang pengajian terdapat di universiti negara ini juga diiktiraf sebagai antara 100 yang terbaik di dunia.